

12/04/1998

Perjanjian air KL, Singapura diubah

SEGAMAT: Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beberapa perubahan mungkin dilakukan terhadap perjanjian bekalan air di antara Malaysia dan Singapura yang kini dalam perundingan.

Dalam perjanjian baru itu, katanya, Malaysia lebih berminat memproses dulu air di negara ini dan menjualnya ke Singapura.

"Ini adalah sistem baru yang sedang dibincangkan," katanya kepada pemberita di sini, malam kelmarin.

Mengulas perjanjian jualan air ke Singapura yang kini dalam perundingan, beliau berkata, kerajaan berharap tidak timbul sebarang masalah berhubung cadangan itu kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah membayangkannya kepada rakan sejawatnya dari Singapura, Goh Chok Tong, baru-baru ini.

Beliau berkata, walaupun pegawai kementerian itu terbabit dalam perundingan berkenaan, keputusan akhir mengenai perjanjian itu akan dibuat Kementerian Luar.

Ditanya sama ada Singapura menerima cadangan perubahan itu, Samy Vellu berkata beliau tidak fikir terdapat sebarang masalah kerana kedua-dua negara mempunyai hubungan yang baik dan akrab.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata isu asas dan utama berhubung bekalan air ke republik itu telah selesai kerana terdapat komitmen kukuh di pihak Malaysia untuk menjamin bekalan air mencukupi kepada Singapura tetapi syarat, kadar dan kaedahnya sedang dibincangkan pada mesyuarat peringkat pegawai kedua-dua negara.

Perjanjian bekalan air yang ada sekarang di antara kedua-dua negara akan berakhir pada 2061. Singapura berharap perbincangan untuk perjanjian baru diadakan segera.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis Anugerah Kecemerlangan 1998 Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist di Sungai Siput, semalam pula Samy Vellu berkata, beliau berpuas hati kerana semakin ramai pemandu menggunakan Link Kedua, terutama rakyat Singapura.

Katanya, kerajaan berharap penduduk negara ini dapat mencontohi rakyat Singapura yang menggunakan laluan itu tanpa sebarang rungutan berhubung bayaran tol.

"Kita tidak bercadang menurunkan kadar tol. Saya percaya orang ramai akan beralih menggunakan laluan itu untuk mengelak kesesakan di Tambak Johor," katanya.

(END)